KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	6/1/2022 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	-			



KEADAAN tanah runtuh yang berlaku di belakang kediaman Mustafa Kamal selepas hujan lebat lebih 24 jam di Felda Nitar 1, Mersing semalam.

Kosmo 6.1.2022_14

Ingat babi ceroboh rupanya tanah runtuh

Oleh MASTURAH SURADI

MERSING – Sebuah keluarga di Felda Nitar 1 di sini tidak tidur malam selepas berlaku runtuhan tanah di bahagian belakang kediaman mereka susulan hujan lebat berterusan sejak Ahad lalu.

Mustafa Kamal Ismail, 57, berkata, kejadian itu disedari pada pukul 8 malam ketika dia menanti untuk solat Isyak di beranda rumah.

Ujarnya, dia mulai pelik selepas mendengar bunyi bising zink yang dipasang bertujuan menghalang babi hutan daripada menceroboh ke rumah.

"Ketika itu gelap, hujan sangat lebat lebih 24 jam. Saya dengar bunyi bising dari arah zink yang dipasang di belakang rumah dan saya ingatkan babi hutan cuba hendak masuk.

"Saya cuba halau tapi bunyinya tidak hilang bahkan makin kuat. Selepas perhatikan betul-betul barulah nampak tanah di bahagian belakang telah runtuh," jelasnya ketika ditemui semalam.

Mustafa Kamal berkata, ekoran kejadian mereka sekeluarga tidak dapat tidur lena dan terpaksa meletak kanvas di tempat runtuhan itu bagi mengelakkan keadaan lebih teruk.

Pesara guru itu berkata, runtuhan tanah tersebut berlaku sedalam kira-kira 5 meter.

Ujarnya, lebih membimbangkan jarak tanah berkenaan hanya satu meter dari rumah mereka.

"Saya sebenarnya dalam proses untuk membina sebuah lagi bilik di kawasan belakang itu. Oleh kerana berlaku runtuhan itu yang hampir satu meter sahaja jaraknya maka perancangan dihentikan buat sementara.

"Hujan yang berterusan selama dua hari ini amat membimbangkan kerana sedikit demi sedikit menghakis tanah runtuhan," ujarnya.

Tambahnya, dia turut berterima kasih kepada semua pihak terutamanya pengurusan Felda dan penduduk kampung yang prihatin dengan keadaan yang menimpa keluarganya itu.

Katanya, permohonan bagi kerja baik pulih telah diajukan kepada pihak Felda dan agensi itu juga telah membuat pemantauan lanjut dengan menghantar kakitangan yang berkenaan bagi melihat keadaan runtuhan berkenaan.